



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KESEMBILAN BELAS  
MAJLIS MESYUARAT NEGARA**

(JURNAL HARIAN)

---

**PADA HARI RABU, 29HB SYA'ABAN 1444 / 22HB MAC 2023  
(HARI KELIMA BELAS)**

**1. DO'A SELAMAT**

**2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA**

**2.1. KENYATAAN TAMBAHAN DARIPADA YANG BERHORMAT AHLI  
RASMI KERANA JAWATAN**

2.1.1. Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menyampaikan kenyataan bagi menjawab persoalan-persoalan yang dibangkitkan sebelumnya oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik.

**2.2. KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

2.2.1. Jawatankuasa telah menyambung bagi menimbangkan tajuk di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A.

2.2.2. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, iaitu:

- i. Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam
  - Mencadangkan agar pemantauan berterusan dalam tempoh tertentu bagi golongan yang menerima bantuan walaupun sudah mendapatkan pekerjaan dan menceburi bidang keusahawanan, bagi

memastikan disiplin dan komitmen mereka dalam bidang yang diceburi;

- Memohon pencerahan sejauh mana perpustakaan awam telah mencapai objektif mesra pelajar dan belia;
- Ingin tahu bagaimana pihak kementerian memastikan *standard* perkhidmatan perpustakaan awam memenuhi dengan *standard* perpustakaan moden;
- Menyoalkan setakat manakah membaca telah menjadi budaya masyarakat Brunei dan adakah pernah dibuat kajian mengenainya;
- Mencadangkan agar perpustakaan dilengkapi dengan sumber-sumber bacaan yang lebih banyak variasi untuk semua umur dan selaras dengan kemajuan teknologi; serta menyediakan infrastruktur prasarana yang kondusif dan perkhidmatan yang moden;
- Mencadangkan untuk menyediakan sistem teknologi, agar perkhidmatan disediakan seperti gedung perayaan semasa musim cuti awam dan cuti sekolah dengan program untuk menarik tumpuan belia.

ii. Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann

- Menyoalkan perancangan jangka pendek dan sederhana ke arah kesempurnaan prasarana Kompleks Sukan Mumong;
- Memohon pertimbangan untuk menyediakan kemudahan lampu di Padang Arena Seria dan menyoalkan perancangan bagi menambah padang-padang sukan di Daerah Belait.

iii. Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub

- Ingin mengetahui statistik 5 tahun kebelakangan bagi keramaian pengunjung tempatan dan dari luar negara ke Tasek Merimbun; dan dari manakah yang mencatat jumlah yang ramai;

- Ingin mengetahui usaha kementerian dalam mempromosikan Taman Warisan Tasek Merimbun agar orang ramai bekerjasama memelihara dan melestarikannya sebagai Taman Warisan ASEAN; dan jika terdapat perancangan untuk memperluaskan *spin-off* Taman Warisan Tasek Merimbun agar dapat dimanfaatkan oleh penduduk Daerah Tutong;
  - Ingin tahu insentif dan bantuan pihak kementerian kepada atlet yang mengikuti kejohanan sukan secara persendirian; dan jika terdapat perancangan untuk menjadikan sukan sebagai satu pekerjaan yang bertaraf profesional.
- iv. Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir
- Mencadangkan supaya kaedah mentransformasikan bangunan-bangunan dan kemudahan sukan yang sedia ada kepada pelbagai guna untuk difikirkan agar dapat dimanfaatkan oleh masyarakat secara meluas.
- v. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman
- Mencadangkan agar bantuan pendidikan untuk anak-anak yatim diteliti dengan sewajarnya;
  - Ingin mengetahui jika pihak kementerian menjumpai tapak-tapak arkeologi yang baharu dan jika terdapat usaha atau inisiatif bagi memelihara tempat-tempat bersejarah ini;
  - Menyoalkan jika kesalahan penjualan atau penyeludupan barang-barang artifak yang bernilai tinggi di Brunei telah direkodkan; dan adakah menjadi satu kesalahan jika seseorang itu menyimpan dan menjual artifak lama yang ditemui di kawasan tanah miliknya sendiri;
  - Mencadangkan agar usaha-usaha untuk memperkenalkan kebudayaan dan warisan 7 puak jati Brunei melalui penganjuran acara-acara dan festival kebudayaan, bengkel-bengkel dan pameran untuk diperluaskan.

vi. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Suyoi bin Haji Osman

- Ingin mengetahui jika unjuran jumlah pengunjung ke muzium-muzium yang melonjak naik dari tahun kewangan 2021/2022 berbanding tahun 2022/2023, dijangka datang daripada para pelajar dari institusi pendidikan atau daripada pelancong luar dan tempatan; dan menyarankan agar muzium-muzium negara secara berterusan dapat dinaikkan taraf dengan pengisian yang bersesuaian;
- Menyoalkan jika kanak-kanak yang masuk di dalam daftar *Registry of Children and Young Persons in Need of Protection (RCYPNP)* adalah golongan yang sudah dianiaya atau yang menjadi kes polis, mahkamah ataupun hospital, dan berharap agar pihak berkenaan dapat mengesan awal (*early detection*) kes kanak-kanak dianiaya sebelum ianya berlaku serta bagaimana untuk mengelakkan kejadian ini berlaku;
- Menyoalkan sejauh manakah pihak kementerian bekerja rapat dengan badan-badan Orang Kelainan Upaya (OKU) serta pengetahuan pihak kementerian dalam masalah-masalah yang dihadapi oleh persatuan ini;
- Menyoalkan definisi warga emas yang berjaya dan bagaimanakah cara untuk membantu warga emas yang sudah dikenal pasti dengan masalah kesihatan, kewangan, perumahan, kemurungan dan sebagainya dan menjadikan mereka warga emas yang berjaya;
- Memohonkan pencerahan bagaimana Pusat Sejarah memasyarakatkan sejarah dan adakah Pusat Sejarah bekerjasama dengan kelab sejarah dan institusi-institusi pendidikan untuk membantu memasyarakatkan sejarah.

vii. Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin

- Mencadangkan untuk diberigakan strategi-strategi sukan negara dan *action plan* dengan *whole of nation*

*approach* melibatkan atlet negara di mana ianya dapat membantu untuk meluas majukan sukan-sukan, membantu *able bodied* atlet dan atlet yang berkeperluan khas agar dapat menambahkan lebih banyak ahli-ahli sukan;

- Berpendapat pelaburan yang dilaburkan sekarang dan berterusan adalah perlu dalam meraih kejayaan di peringkat antarabangsa dan menyaingi negara-negara di peringkat serantau;
- Menyoalkan bagaimana kementerian boleh membantu agar persatuan-persatuan yang bergabung dengan *global sports body* dapat dibantu, didukung untuk mewakili negara terutamanya dalam sukan yang banyak peminat dan penyokong seperti bola sepak, hoki dan netball;
- Memohonkan pertimbangan Jabatan Belia dan Sukan untuk menampilkan petunjuk-petunjuk prestasi utama yang bersesuaian untuk mengukur kemajuan sukan dalam negara dalam jangka masa pendek dan panjang;
- Mencadangkan untuk akur dalam menghoskan sukan berprestij antarabangsa dengan merangka pelan strategi jangka panjang, dan membuat rancangan berfasa;
- Mencadangkan pihak kementerian untuk menjemput golongan yang berkepentingan seperti ahli korporat dan perniagaan bagi sama-sama menyumbang ke dalam dana sebagai *corporate social responsibility* mereka;
- Mengesyorkan kementerian untuk memainkan peranan penting dalam mencari bantuan dan juga menjadi pengantara;
- Memohon untuk membantu sukan negara seperti pasukan bola sepak negara yang perlu diberikan sokongan dalam membawa pemain-pemain muda ke luar negara sebagai pendedahan bermain di luar negara dan menyiapkan diri untuk kebaikan negara.

- viii. Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin
- Bercadang untuk membina dewan serbaguna di mukim dan kampung dengan kerjasama Pejabat Daerah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, dan Kementerian Pembangunan, untuk dimanfaatkan sebagai kemudahan orang kampung dan belia memajukan aktiviti kampung, mengadakan mesyuarat kampung; juga mencadangkan bagi penambahbaikan dewan serbaguna yang sedia ada dengan menambah infrastruktur dan fasiliti yang bersesuaian;
  - Ingin tahu cara Dewan Bahasa dan Pustaka dalam menangani masalah kepupusan bahasa puak jati Brunei serta bercadang agar pihak kementerian mengambil langkah untuk mengatasi isu ini dengan mendigitalisasikan bahasa-bahasa tersebut dan menyimpan dalam laman sesawang bagi memudahkan orang yang berminat;
  - Menyarankan agar mendokumentasikan bahasa-bahasa puak jati dengan program Bahasa Melayu dan Linguistik sebagai rujukan.
  - Bercadang untuk budaya-budaya puak-puak jati dipraktikkan sebagai pendedahan kepada belia-belia.

2.2.3. Tajuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan iaitu Tajuk SL01A hingga Tajuk SL06A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

---

**[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN BAGI SESI PAGI DAN MAJLIS MESYUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]**

---

### **2.3. KEMENTERIAN KESIHATAN**

- 2.3.1. Jawatankuasa telah menyambung untuk menimbangkan tajuk di bawah Kementerian Kesihatan iaitu Tajuk SM01A.
- 2.3.2. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan, iaitu:

i. Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam

- Ingin tahu jika terdapat perancangan pihak kementerian untuk menilai semula perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan nilai asasi, dan melarutkan waktu operasi selepas waktu pejabat atau sewaktu hari-hari cuti dan kelepasan awam;
- Menyoalkan sekiranya pernah dinilai keberkesanan program dan inisiatif pengawalan penyakit tidak berjangkit dan adakah dikenalpasti punca-punca lain yang menyebabkan peningkatan penyakit tidak berjangkit;
- Menyoalkan tentang penerimaan rawatan peritoneal dialysis sejak diperkenalkan dan adakah pesakit buah pinggang bersedia untuk menjalani rawatan pemindahan buah pinggang dan apakah cabaran yang dihadapi pada rawatan ini;
- Mencadangkan untuk dinilai semula dan menambah baik inisiatif-inisiatif dalam langkah-langkah pengawalan dan pencegahan penyakit kronik tidak berjangkit;
- Mencadangkan bagi menetapkan setiap rakyat untuk menjalani pemeriksaan saringan kesihatan sekurang-kurangnya sekali setahun setelah mereka mencapai usia tertentu;
- Mencadangkan untuk memperluaskan perkhidmatan kesihatan ke rumah-rumah khususnya untuk mengurus para pesakit yang berada di rumah;
- Mencadangkan pihak kementerian untuk berkolaborasi dengan Kementerian Pendidikan dengan menawarkan sarjana muda dalam bidang kerja sosial di pelbagai jurusan, untuk membukakan peluang pekerjaan kepada anak-anak tempatan;
- Mencadangkan agar kawalan kemasukkan bahan pemakanan yang menjadi punca kemerosotan tahap kesihatan dan kes-kes kronik yang tidak berjangkit yang sudah dikenalpasti untuk dipertingkatkan; dan menilai semula harga cukai atau melekatkan

label-label amaran dan mengawal penjualan produk kepada masyarakat awam.

ii. Yang Berhormat Awang Lau How Teck

- Menyoal terdapat perancangan atau strategi kementerian untuk meningkatkan perkhidmatan di daerah-daerah untuk menangani kes-kes kecemasan di luar daerah Brunei Muara;
- Bertanya jika terdapat perancangan dan inisiatif pihak kementerian dalam menaikkan tarafkan perkhidmatan perubatan dengan menambahkan pakar-pakar kesihatan dan alat-alat mesin di hospital-hospital kerajaan secara berperingkat.

iii. Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee

- Ingin mengetahui keberkesanan dan cabaran dalam menerapkan *Artificial Intelligence (AI) deep learning system* dalam program pemeriksaan *retinopathy diabetic*;
- Menyoalkan sekiranya pihak kementerian mempertimbangkan untuk mendirikan Behavioural Insights Team atau Nudge Unit untuk mengintegrasikan *Machine Learning* ke dalam system kesihatan untuk mencegah penyakit dan mempromosikan perubahan tingkah laku yang positif;
- Ingin tahu apakah rancangan kementerian untuk memanfaatkan *machine learning* untuk menggunakan corak tingkah laku dan mengembangkan strategi untuk *individual* ke arah pilihan yang positif;
- Mencadangkan agar kementerian kementerian mempertimbangkan melaksanakan strategi untuk mendidik dan melibatkan pesakit warga emas dan penjaga mereka mengenai kelebihan dan aplikasi jam tangan pintar dalam penjagaan kesihatan serta menggunakannya dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan yang sedia ada.



iv. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd Yusuf

- Memohonkan pencerahan adakah Pelan Induk Sistem Kesihatan dan Infrastruktur Negara Brunei Darussalam yang telah tersedia ada digunapakai dan dijadikan panduan dalam perancangan-perancangan strategi dan program penjagaan kesihatan bagi jangka masa panjang;
- Menyarankan untuk menyemak dan meneliti isi kandungan pelan induk untuk dijadikan garis panduan bagi rancangan dan program dalam usaha untuk memantapkan dan mengukuhkan sistem penjagaan kesihatan, termasuk infrastruktur dan perkhidmatan yang lebih teratur di masa akan datang;
- Membahaskan keperluan untuk menambah keperluan perkhidmatan kesihatan seperti katil-katil pesakit, bilik-bilik Intensive Care Unit (ICU), Medical Intensive Care Unit (MICU), pembedahan serta peralatan kesihatan yang lain khususnya bagi pesakit-pesakit *acute* dan keperluan *surgical* yang semakin meningkat—menurut pelan induk sistem;
- Menyoalkan tentang strategi kementerian dalam masa jangka pendek dan panjang dalam penjagaan kesihatan dalam menangani isu penuaan penduduk yang semakin bertambah;
- Menyoalkan kenapa tidak meneruskan pembinaan pusat-pusat kesihatan seperti yang telah dikenal pasti di dalam pelan induk terutama dalam kawasan yang mempunyai penduduk yang besar; dan menyoalkan kepada Pusat Kesihatan Ong Sum Ping ditutup;
- Ingin mengetahui peranan Makmal *Biosafety Level-3* (BSL3) semasa negara menghadapi wabak COVID-19; sekiranya ianya dapat digunakan sepenuhnya dengan mengambil kira keselamatan dan kesejahteraan bagi profesional makmal menjalankan ujian yang berkenaan; menyoalkan jika BSL3 telah diiktirafkan piawaian antarabangsa dari segi keselamatan

- bangunan, mengendalikan contoh-contoh pesakit dan jaminan keselamatan;
- Menyoalkan perkembangan *Private Health Care Facility Act* jika belum wujud dan juga menyoalkan jika belum wujud, bagaimanakah tatacara pengawalan kepada fasiliti-fasiliti kesihatan yang memberikan perkhidmatan perubatan klinik-klinik dental, *x-ray* dan *laboratory* dan seumpamanya;
  - Ingin mengetahui apakah langkah-langkah untuk mengatasi masalah kekurangan doktor dan jururawat di negara ini;
  - Mencadangkan agar memberi kontrak kepada doktor-doktor dan jururawat yang bekerja di klinik swasta untuk bekerja sementara secara *locum tenens* di rumah sakit kerajaan.
- v. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman
- Ingin mengetahui perancangan untuk meningkatkan perkhidmatan dental di klinik-klinik pergigian;
  - Mohon pencerahan mengenai inisiatif untuk menambah stok darah dan mencadangkan untuk dipertimbangkan pemberian insentif kepada penderma darah.
- vi. Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann
- Memohon pencerahan mengenai status Klinik Sungai Mau, Bukit Sawat dan mencadangkan agar klinik berkenaan untuk beroperasi semula secara berkala.
- vii. Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin
- Mencadangkan cara alternatif bagi penjagaan warga emas yang melibatkan penubuhan *golden age care centre* iaitu tempat penginapan siang bagi warga emas;

- Memohon pencerahan mengenai cara-cara pelupusan sisa-sisa *medical* dan klinikal dengan selamat serta pemantauannya.

2.3.3. Tajuk Kementerian Kesihatan iaitu Tajuk SM01A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

---

**[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI PADA HARI SABTU, 25HB MAC 2023 JAM 10.00 PAGI ]**

---